

Tarikan terhadap Buku Indie dalam Kalangan Pembaca Muda di Malaysia

Attraction to the Indie Book among Young Readers in Malaysia

MUHAMAD FAISAL ASHAARI

MOHD FIRDAUS HAMZAH

LILY YAAKUB

ROSMAWATI MOHAMAD RASIT

ABSTRAK

Buku genre Indie telah mendapat tempat dalam kalangan pembaca muda, khususnya generasi Z. Jualan buku Indie pada tahun 2013 dan 2015 telah menunjukkan penguasaan mereka dalam carta penjualan buku tempatan dan ini bukan sekadar mencabar tetapi mengalahkan genre penulisan arus perdana. Minat pembaca dengan genre penulisan ini dikaitkan dengan keunikan pendekatan penulisannya. Justeru, kajian ini mengkaji faktor tarikan terhadap keunikan penulisan buku Indie dalam kalangan pembaca muda di Malaysia. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan melalui pengedaran borang soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 100 orang responden menggunakan persampelan bertujuan. Sampel responden dipilih dalam kalangan kelompok netizen pada peringkat remaja dan awal belia sebagai kumpulan generasi Z. Hasil kajian mendapat lima faktor yang menjadi tarikan kepada pembaca untuk membeli dan membaca buku berkenaan iaitu dari sudut tajuk, kulit buku, olahan isi kandungan, mesej dan grafik serta peranan media baharu. Buku Fixi Sdn. Bhd. dan Dubook Press mencatatkan penerbit buku Indie yang paling diminati dan menjadi pilihan dalam kalangan pembaca muda.

Kata kunci: Buku Indie; dakwah atas talian; media baru; Pemikiran Islam; liberalisme

ABSTRACT

The indie book has gained a momentum among young readers, especially the Z generation. The sales of this book have increased dramatically, particularly between year 2013 and 2015, simultaneously showing its popularity in the local book sales market. The reader's interest in this book is associated with the uniqueness of its approach in writing. Thus, this study examines the attractiveness of indie book writing among young readers in Malaysia, who are the enthusiasts to this book. This study uses survey design through distribution of questionnaires as a data collection method. Questionnaires were distributed to 100 respondents using purposive sampling. Respondents were chosen among netizen groups at the adolescent stage and early adolescents as the generation of Z. The findings show that there are five factors that attract readers to buy and read this type of book; the title, book cover, content processing, message and graphics and the role of new media. It is found that both Buku Fixi Sdn. Bhd. and Dubook Press are listed the most popular indie book publishers and became the choice among young readers.

Keywords: Indie book; dakwah online; new media; Islamic Thought; liberalism

PENGENALAN

Buku Indie telah muncul dalam persada penulisan buku terutamanya pasca 2010 yang memperlihatkan penerimaannya dalam kalangan anak muda seiring dengan perkembangan teknologi (Fadli & Md Sidin 2016). Sambutan luar biasa yang diberikan kepada penulisan genre ini telah menimbulkan pelbagai polemik perbincangan yang hebat terutamanya tentang identiti buku ini. Kemunculannya telah berjaya mengamit semula minat membaca dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan muda. Namun begitu, ada yang melihat kewujudan buku ini akan memberikan impak negatif kepada masyarakat.

Secara amnya, konsep penerbitan buku Indie atau alternatif ini telah diperkenalkan oleh pengkarya muda yang tidak ada nama dalam dunia kesasteraan tanah air. Namun, mereka berjaya menawarkan kesegaran dan kelainan kepada dunia penulisan dan peminat buku di Malaysia. Selain itu, teknologi Internet dan digital turut merancakkan perkembangan buku ini, malah yang lebih teruja, kelompok buku ini mampu menduduki tempat teratas dalam carta buku-buku popular di kedai-kedai buku ternama seperti MPH, Popular dan sebagainya, serta berjaya mengalahkan novel-novel popular yang bertemakan cinta yang sebelum ini menjadi pilihan utama pembaca-pembaca remaja. Bahkan syarikat penerbit buku Indie seperti Dubook, Fixi, Lejen, Thukul Chetak telah

berjaya mencabar hegemoni penerbit gergasi malah menenggelamkan seketika nama-nama penerbit buku arus perdana seperti Dewan Bahasa Pustaka, PTS, Karangkraf, ALAF 21 dan sebagainya. Persoalan mengapa buku ini begitu diminati terutamanya dalam kalangan golongan muda sentiasa berlebar dalam komuniti buku. Apakah tarikan dan keunikan yang ada pada buku Indie ini. Artikel ini cuba untuk menyelongkar persoalan-persoalan tersebut secara kuantitatif berdasarkan kepada pandangan dari mahasiswa yang merupakan kelompok anak muda yang cenderung kepada buku genre ini.

PERKEMBANGAN PENULISAN BUKU GENRE INDIE

Pada asasnya, istilah Indie ini tidak bersifat statik dan boleh berubah mengikut konteks tertentu. Menurut Jube (2008: 34) penggunaan istilah Indie ini lebih dahulu dikenali dalam bidang muzik pada tahun 1970an dan kemudiannya digunakan untuk bidang lain, termasuk filem, sukan, permainan, industri pakaian dan gaya hidup. Indie bergerak berdasarkan apa-apa yang mereka miliki, dengan slogan *do-it-yourself* (DIY); daripada mencipta karya, mempromosikan karya, dan menjualnya secara sendiri. Dengan sifatnya yang bebas, Indie dilihat sebagai pihak yang bertentangan dengan monopoli arus perdana. Jika penerbitan arus perdana mempunyai dana subsidi dalam melaksanakan aktiviti mereka, Indie menjalankan operasi dengan menggunakan dana mereka sendiri. Ini bermakna, Indie tidaklah terhad kepada buku tetapi mana-mana yang bersifat bebas dari cara lama, ia boleh dimasukkan dalam kategori Indie sesuai dengan namanya yang bersifat bebas.

Penerbitan karya Indie boleh dianggap sebagai penerbitan alternatif, iaitu penerbitan media yang bebas, tidak terikat dengan mana-mana penerbitan perdana maupun pemerintah. Sifatnya sebagai alternatif memberi ruang kepada perubahan sosial, melibatkan massa untuk turut bersama dan komited melakukan inovasi terhadap bentuk dan kandungan penerbitan bahan-bahan media mereka. Menurut Ortner (2012), kebanyakan karya dalam genre ini lebih menekankan kepada idealisme, kesenian dan intelektualisme. Ini bermakna, kewujudan genre Indie akan mencabar idea dan amalan yang menjadi kelaziman kepada masyarakat. Penulis genre ini akan mengemukakan sesuatu yang ideal dan bersifat kritis kepada masyarakat yang mungkin tidak popular tetapi itu mungkin merupakan hasrat dari isi hati mereka. Justeru itu, perkembangan penerbitan buku-buku Indie

ini boleh dilihat sebagai indikator kepada kewujudan aliran media alternatif dalam perkembangan media dan komunikasi tempatan.

Buku-buku terbitan arus perdana atau *mainstream* ditunjangi oleh penulis yang terkenal atau penerbit yang tersohor, namun ia berbeza bagi penerbitan Indie. Penghasilan karya Indie dikuasai oleh individu yang tidak mempunyai latar belakang penglibatan dengan bidang sastera dan penerbitan buku (Rebecca 2013). Apabila kelompok ini memasuki dunia penerbitan, mereka menjadi penulis, penyelenggara, editor, pereka grafik buku dan menerbitkan sendiri buku mereka. Sejak dengan era langit terbuka, mereka boleh memasarkan buku itu dalam masa yang singkat tanpa bantuan mana-mana pihak. Mereka menemui sendiri pembaca tanpa rasa kekok dan mudah mesra. Ini bermakna, sekiranya mereka berjaya mempengaruhi sebuah komuniti seperti komuniti remaja, maka hasil karya mereka akan mendapat sambutan dari kelompok komuniti itu. Malah terdapat sesetengah penulis Indie yang mempunyai syarikat penerbitan sendiri turut membantu rakan-rakan penulis yang lain dengan menerima karya-karya mereka untuk diterbitkan oleh syarikat mereka seperti syarikat Dubook Press.

Buku-buku Indie juga tidak perlu melalui sistem tapisan karya yang sangat ketat oleh pihak berautoriti. Penulis Indie bebas berkarya dan tidak terkongkong serta terikat dengan peraturan-peraturan yang membantutkan idea dan kreativiti mereka. Menurut Ali & Mohd Safar (2011), media baharu memberikan ruang kebebasan bersuara yang luas tanpa halangan dari pihak berautoriti. Justeru itu, semangat media baharu ini juga telah menyemarakkan perkembangan genre Indie yang berhasil dari perkembangan dunia maya yang menghapuskan halangan komunikasi dan melonggarkan kawalan dari pihak berwajib. Kesan dari itu ialah banyak karya yang diterbitkan tanpa mengikut satu standard tertentu kerana ia tidak melalui saringan atau tapisan pihak berwajib.

Menurut Febriansyah (2016) penerbitan sendiri telah dilakukan oleh Faisal Tehrani terhadap bukunya *Cerpen-Cerpen Underground* (2000) dan juga novel *Perempuan Politikus Melayu* (2001). Beliau dikatakan sebagai perintis awal ke arah tercetusnya buku Indie. Walaupun kaedah dan semangat penerbitan kedua-dua buku tersebut selari dengan prinsip Indie, namun belum dapat membentuk gelombang penerbitan Indie seperti yang baru wujud sedekad demikian. Buku-buku Indie mula dikenali apabila sekumpulan penerbit seperti *Lejen Press*, *Dubook Press*, *Fixi*, *Terfaktab*, *Merpati Jingga* dan yang lainnya mula beroperasi pada tahun 2010/2011, dan dalam masa

yang singkat mereka berjaya menciptakan pasaran untuk buku mereka. Meskipun, agak sukar untuk menentukan tarikh yang tepat bagaimana penerbitan Indie bermula, tetapi penubuhan kumpulan penerbit tersebut merupakan pencetus awal fenomena penerbitan Indie di Malaysia.

Sejarah bermulanya penerbitan buku Indie di Malaysia agak sukar ditentukan. Namun, kemunculan buku-buku Indie di Malaysia agak lambat berbanding perkembangannya di negara-negara Barat. Menurut Rebecca (2013), ada pihak menyatakan penerbitan buku Indie bermula melalui penerbitan majalah (zine) Indie. Antara pelopor awalnya termasuklah oleh penyair Pyanhabib, pemuzik Sani Sudin, dan penulis Marsli (Rebecca 2013). Walau bagaimanapun, penerbitan Indie ini tidak mampu bertahan lama atas pelbagai faktor. Selain itu edarannya tidak meluas seperti karya penerbitan konvensional. Begitu juga, pada tahun 1998 sudah terdapat penerbit buku yang boleh dianggap sebagai pelopor penerbitan dan penjualan buku-buku alternatif di Malaysia iaitu Gerakbudaya dan Silverfish, namun kedua penerbit ini tidak digolongkan sebagai penerbit Indie.

KEUNIKAN PENULISAN DALAM GENRE INDIE

Buku Indie mempunyai keunikan dan tarikannya yang sendiri berbanding buku arus perdana yang lain. Keunikan ini menjadikannya sebagai tarikan utama kepada para peminatnya dari kalangan generasi Z yang lahir antara tahun 1994 dan 2010 (Azianura Hani 2017) dan mereka adalah mahasiswa pada masa kini. Tarikan terhadap sesebuah buku biasanya berkait dengan tajuk, kulit buku, isi kandungan, olahan dan persembahan serta peranan media baharu. Berikut adalah perbincangan tentang lima keunikan genre buku ini.

TARIKAN TAJUK

Tajuk buku merupakan perkara pertama yang dilihat oleh pembaca. Tajuk buku yang dipamerkan seharusnya berjaya menjadi tarikan kepada pembaca berpotensi. Justeru itu, merujuk kepada buku-buku Indie yang berada dalam pasaran buku tempatan menunjukkan kebanyakannya tajuk-tajuknya bersifat menarik, pelik dan unik serta kadangkala tajuk-tajuk tersebut turut juga mengundang kontroversi. Jadual 1 menyenaraikan beberapa contoh tajuk buku Indie hasil daripada pencarian menerusi katalog syarikat penerbitan Indie menerusi laman sesawang mereka.

JADUAL 1. Senarai contoh antara tajuk-tajuk buku Indie

Bil	Penerbit	Tajuk buku
1.	Dubook	1. Media = Setan 2. Nazi Goreng 3. Terima Kasih Si Babi Hutan
2.	Thukul Chetak	1. Agong Tanpa Tengkolok 2. Bercakap Dengan Al-Quran 3. Kisah-Kisah Melawan Dalam Al-Quran
3.	Lejen Press	1. Mampos 2. Awek Chuck Taylor 3. Cincang

Sumber: Dua Book Press, Thukul Chetak dan Lejen Press 2017

Semua tajuk yang digunakan ini menunjukkan bahawa pemilihan tajuk buku Indie seringkali menggunakan perkataan yang agak pelik dan unik serta di luar kotak. Inilah ciri-ciri seni penulisan buku Indie yang tiada dalam buku terbitan arus perdana. Menurut Nimoiz T.Y. (2016) penulis Indie tidak meletakkan estetika bahasa sebagai keutamaan mereka kerana elemen bahasa akan berubah setiap masa. Mereka menekankan aspek keaslian idea, kreativiti dan inovasi kerana hasilnya akan mampu memberi kepuasan intelek dan emosi yang akan terus kekal dalam jiwa pembaca.

KANDUNGAN DAN MESEJ

Kebanyakan buku Indie yang berada dalam pasaran di Malaysia mempromosi idea-idea tentang agama, hak asasi dan isu semasa secara kritis (Tan 2015) dan ada yang melampaui batas agama dan budaya masyarakat Malaysia. Mengambil semangat kebebasan dan keterbukaan yang ada pada media baharu, penulis-penulis Indie juga turut sama mengambil peluang dan ruang dalam mengekspresikan diri, meluah rasa dan pandangan dengan bebas dan terbuka. Menurut Mohd Rashidi dan Norhidayah (2016) menerusi kajian yang dilakukan oleh JAIS terhadap buku-buku Indie tempatan, telah menunjukkan terdapat sebahagian kandungan buku-buku Indie agak keras, sensitif dan keterlaluan serta melibatkan isu-isu agama dan akidah umat Islam. Kadangkala terdapat juga buku-buku yang cuba untuk mempromosi idea-idea pemikiran yang bertentangan dengan Islam seperti liberal, Syiah dan sebagainya. Contohnya dalam buku *Antithesis* (2014) karya Benz Ali terbitan syarikat Dubook Press. Kandungan buku ini ada menunjukkan kecenderungan kepada fahaman dan tokoh Syiah serta menyokong penyebaran Syiah di Malaysia, dalam masa yang sama mengkritik Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah termasuklah mengkritik para sahabat. Sebagai contoh, Benz Ali mengatakan (2014: 125):

Aku tidak faham mengapa kamu tidak boleh terima orang Syiah? Sedangkan kamu boleh terima orang Hindu, orang Buddha, orang Kristian, tetapi kamu sakit mata tengok orang Syiah sangat kenapa? (hlm. 27-28). Beliau juga berkata “Aku tiada masalah tentang hal itu walaupun agama aku, tak mahu rujuk pada para sahabat. Kerana agama aku, adalah Tuhan (pesan-pesan Tuhan dalam Quran) dan interaksi-interaksi Nabi SAW.”

Penulisan buku Indie juga agak ketara dalam mengutarakan ketidakpuasan hati mereka terhadap kerajaan melalui kritikan-kritikan politik yang tajam. Situasi ini wujud disebabkan keterbukaan dan kebebasan yang ditiupkan menerusi semangat media baharu kepada penulis-penulis Indie terutamanya golongan muda. Mereka merasakan kebebasan berpendapat merupakan hak yang sepatutnya digunakan dengan berani dalam negara yang menjunjung demokrasi berperlembagaan. Maka, banyak buku Indie yang dihasilkan berjaya mengungkapkan tindakan-tindakan kerajaan yang dikatakan tidak adil dan sesuai menurut penilaian masyarakat awam atau rakyat. Contohnya buku “Nasionalisme Longkang,” “Anarki,” “Surat untuk Najib” antara buku Indie yang sarat mengandungi isu-isu kritikan politik ini. Menurut Rafidah (2016), penerapan elemen-elemen sarkastik atau sindiran turut diguna pakai malahan menjadi nadi dalam penghasilan karya sebegini.

OLAHAN/GAYA BAHASA

Penulisan Indie tidak mementingkan laras bahasa atas alasan untuk memudahkan dan mendekatkan lagi pembaca kepada karya mereka. Pengamatan secara mendalam dalam laras bahasa yang digunakan dalam kebanyakan buku Indie jelas menunjukkan pengaruh penulisan dan gaya bahasa media baharu mempengaruhi corak penulisan dalam buku Indie. Kajian yang dilakukan oleh Thurlow (2003), Crystal (2004, 2006) telah menunjukkan “bahasa atas talian” (*netspeak*) yang banyak digunakan dalam media sosial telah mengalami perubahan dari segi leksikal dan penggunaannya. Antaranya pengguna suka menggunakan; Ayat yang mudah dan ringkas; Akronim (kependekan yang terbentuk daripada gabungan huruf pertama atau suku kata beberapa perkataan yang boleh diujarkan sebagai satu perkataan); Singkatan perkataan; Kehilangan ejaan vokal; Kombinasi huruf dan nombor dalam perkataan; Salah ejaan dan simbol emosi.

Ciri-ciri penggunaan bahasa di atas banyak ditemui dalam aktiviti interaksi yang melibatkan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*. Golongan muda atau dikenali sebagai generasi Gen

Y adalah pengguna tegar bahasa atas talian ini. Sehubungan itu, didapati penggunaan laras bahasa yang digunakan dalam media baharu turut juga mempengaruhi gaya bahasa dalam penulisan Indie ini. Tambahan pula, pembaca buku Indie kebanyakannya golongan muda yang merupakan pengguna tegar media baharu menjadikan penulisan Indie lebih selesa mengikut gaya bahasa penulisan media baharu yang mempunyai ciri-ciri seperti bahasa yang ringkas, pendek dan mudah serta dapat dibaca dengan cepat.

Selain itu, menurut pemerhatian Nor Hasimah & Melor Fauzita (2012) penulisan buku Indie lebih senang menggunakan gaya dan bahasa santai, bahasa sehari-hari, bahasa slanga, serta penggunaan bahasa Inggeris yang ditulis tidak mengikut ejaan yang sebenar. Gaya penulisan ini dikenali sebagai *pulp fiction* yang secara amnya tertumpu pada elemen-elemen kehidupan yang gelap, samar dan sensasi. Contohnya seperti dalam buku Awek Chuck Taylor (2011) karya Nami Cob Nobbler, penulisan gaya ini begitu ketara sekali.

Mamat ni bikin spoil mood aku lah. Fuck! Aku terus text Jebon aku bla bla dulu. Sebab mangkuk ni memang lambat sangat. Dia punya bad habit memang macam tu. Contoh, kalau kau cakap kau nak gerak jumpa, dia akan cakap dia dah nak sampai walhal dia masih kat rumah berkain pelekat. Aku terus start motor aku pergi ke port aku dengan Nana pernah duduk dulu (Nami Cob Nobbler 2011: 160).

Malah penggunaan Bahasa Inggeris dalam karya Indie tidak dicondongkan (*italic*) dan ditulis seolah-olah seperti Bahasa Melayu. Contohnya:

Memanglah aku tak percaya apa kata mangkuk tu – that guy is such a jerk. Aku memang tak percaya langsung sebab muka dia tak de tokoh nak pakai Mira. Tapi aku memikirkan apa yang berlaku kat sana. What if dia kat sana actually akan lupukan aku few months from now? Sampai bila aku nak tunggu dia? (Nami Cob Nobbler 2011: 160)

GRAFIK YANG MENARIK

Persembahan reka bentuk kulit depan buku Indie juga mempunyai stailnya yang tersendiri. Gambar-gambar yang digunakan unik, menarik dan mempunyai kreativiti yang tinggi, namun ada yang berpandangan grafik yang dipersembahkan juga agak keterlaluan, berani dan mempunyai unsur-unsur lucu (Muhammad Rashidi & Norhidayah 2016). Lampiran gambar muka depan pada Rajah 1 di bawah menunjukkan penampilan muka depan buku Indie mempunyai ciri-ciri ranggi dan gaya yang diminati oleh golongan muda serta menerapkan gaya *pop art* pada rekaan grafik yang dihasilkan. Menurut Ketut Nala (2012), gaya *pop art* ini muncul dari budaya pop atau popular pada era 1950-an di Amerika Syarikat yang telah

diperkenalkan oleh pengkarya Indie bagi menolak penguasaan dominan budaya masyarakat elit. Budaya *pop art* ini memenuhi cita rasa anak muda kerana

ia mempunyai ciri-ciri seperti semangat kebebasan, kesegeraan (*instant*) dan boleh diperkembangkan (*expandable*).



RAJAH 1. Antara gambar muka depan buku Indie

Sumber: Lily Yaakub & Muhamad Faisal Ashaari (2017)

Selain daripada itu, grafik muka depan buku Indie juga boleh memberikan gambaran awal kepada pembaca tentang tema yang mahu ditonjolkan oleh penulisnya. Contohnya grafik yang terdapat pada buku *Nasionalisme Longkang* karya Hadri Shah (2017). Penampilan grafiknya agak berani kerana menampilkan gambar Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir yang berdarah di dadanya dengan menggunakan warna yang sesuai serta tajuk yang agak keras. Pembaca boleh mengagak buku ini adalah buku kritikan kepada pihak tertentu. Begitu juga dengan grafik muka depan buku Awek Chuck Taylor (2011). Tajuknya yang menarik disertai dengan lukisan tiga pasang kasut memperlihatkan gaya yang ringkas dan kontemporer serta sesuai dengan cita rasa anak muda.

PERANAN MEDIA BAHARU

Media baharu antara alat yang banyak membantu penulisan Indie bergerak ke depan. Menurut Alias (2015) dunia pembacaan buku hari ini telah menyaksikan hubungan akrab antara hasil karya kreatif dan sastera dengan golongan pembaca. Dunia maya sudah membuang banyak dinding dan halangan antara pembaca dengan karya, serta antara pembaca dengan penulis. Contohnya, media sosial persuratan seperti *Goodreads*, menyediakan ruang yang sangat besar dalam menghimpunkan koleksi maklumat lengkap dan ulasan pelbagai jenis dan tema buku, sekali gus menyatukan para pembaca dengan penulisnya secara langsung. Jika melayari laman ini, boleh didapati banyak buku-buku Indie

yang telah diulas oleh pembaca, malah pembaca boleh meletakkan penilaian mengikut bintang berdasarkan minat dan kesukaan pembaca terhadap buku tersebut.

Selain itu, sudah menjadi kemestian buat penulis dan syarikat penerbitan Indie untuk membuka akaun di *Twitter*, *Blog*, *Tumblr* ataupun *Facebook*, sebagai alat untuk mempromosi karya-karya mereka serta menjadi ruang strategi membina nama, membangunkan jenama dan imej penerbit dengan berinteraksi, berbahas dan kadang kala membuat kecoh di media sosial supaya mereka menjadi pusat perhatian pengguna media sosial. Dengan itu mereka lebih dikenali, menjadikan laman media sosial mereka turut diikuti oleh ramai pengguna media sosial. Dengan kelebihan ini telah memberikan peluang kepada penerbit dan penulis Indie untuk menghebahkan setiap aktiviti dan hasil karya mereka supaya maklumat yang jelas dapat sampai kepada pembaca.

Media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* juga bertindak sebagai agen jualan dengan membuka ruang pesanan dalam talian. Melalui kaedah ini, buku-buku Indie memudahkan pembaca mendapatkan buku yang diingini tanpa perlu bersusah payah ke kedai buku. Selain itu, perbincangan dan wacana buku Indie juga sering diadakan secara langsung di laman-laman jaringan sosial seperti *Facebook*. Wacana-wacana ini bukan sahaja dianjurkan oleh penerbit buku Indie bagi mempromosi karya mereka, malah turut dibantu oleh kumpulan-kumpulan penyokong buku Indie seperti Kelab Buku Jalanan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Soal selidik sebagai instrumen utama digunakan sebagai kaedah pengumpulan data bagi kajian ini. Pemilihan responden menggunakan persampelan bertujuan dengan mengambil kriteria yang ditetapkan iaitu kelompok netizen pada peringkat remaja dan awal belia sebagai kumpulan generasi Z. Seramai 100 orang responden berjaya menjawab secara lengkap melalui pengedaran soal selidik dalam talian. Data kajian dianalisis menggunakan ujian statistik deskriptif secara min, kekerapan dan peratusan.

DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah maklumat asas dan latar belakang responden yang menjawab soal selidik yang disebarluaskan. Ia meliputi jantina, umur dan tahun pengajian dan maklumat asas yang berkaitan dengan pembacaan buku penulisan Indie.

JADUAL 2. Taburan maklumat asas responden

		Kekerapan	Peratus (%)
Bidang Pengajian	Pengajian Islam	31	31.0
	Pengajian Sains Sosial	44	44.0
	Pengajian Sains Tulen	25	25.0
Universiti	UKM	54	54.0
	UniKL	9	9.0
	UIAM	7	7.0
	UiTM	5	5.0
	UUM	5	5.0
	USIM	3	3.0
Tahun Pengajian	Lain-lain	17	17.0
	Tahun 1	23	23.0
	Tahun 2	16	16.0
	Tahun 3	43	43.0
	Tahun 4	9	9.0
	Tahun 5 dan 6	9	9.0

Sumber: Soal Selidik 2017

Data kajian ini diperoleh dari pelbagai latar belakang pelajar yang taburannya hampir menyeluruh kepada semua universiti di Malaysia. Mereka juga mewakili bidang yang agak berimbang antara tiga bidang utama iaitu bidang pengajian Islam, pengajian sains sosial dan pengajian sains tulen. Namun, kelihatan pelajar bidang sains sosial menjawab

lebih banyak dari bidang yang lain. Dari sudut tahun pengajian pula, kebanyakan responden terdiri dari pelajar tahun tiga, diikuti tahun satu dan tahun dua.

Hampir separuh responden mempunyai pengalaman membaca buku genre Indie lebih dari dua tahun. 18% darinya telah lama membaca melebihi 5 tahun ke atas seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah. Ini menunjukkan ramai dari kalangan mahasiswa telah pun mempunyai minat membaca dan mengikuti buku ini. Walau bagaimanapun data ini tidaklah menggambarkan data keseluruhan mahasiswa kerana mungkin yang berminat menjawab soal selidik ini terdiri dari seluruh mahasiswa dari sebuah IPT, tetapi yang berminat sahaja. Oleh kerana mereka berminat dengan buku ini, maka mereka layak untuk menjawab tentang keunikan buku ini. Ini juga dapat ditunjukkan dengan 16% responden yang menghadiri program yang dianjurkan berkaitan dengan buku Indie atau yang berkaitan dengan pemikiran baharu.

JADUAL 3. Pengetahuan asas tentang penulisan buku Indie

Item		Kekerapan	Peratus (%)
Sejak bila mula membaca	Kurang dari 2 tahun	50	50.0
	2-4 tahun	32	32.0
	5 tahun dan ke atas	18	18.0
Jumlah buku yang telah dibaca	1-5 buah buku	60	60.0
	6-10 buah buku	19	19.0
	11 buku dan ke atas	21	21.0
Penerbit Buku Indie yang diminati	Buku Fixi Sdn. Bhd.	18	18.0
	Dubook Press	16	16.0
	Thukul Chetak Press	7	7.0
	Lejen Press	6	6.0
	Iman Publication	4	4.0
	Tarbiah Sentap	4	4.0
Pernah hadir program	Lain-lain	11	11.0
	Tiada	34	34.0
	Ya	16	16.0
	Tidak	84	84.0

Sumber: Soal Selidik 2017

Secara keseluruhannya, dapatkan menunjukkan bahawa semua item yang dikemukakan mendapat nilai min yang tinggi melainkan pada item yang ketujuh yang hanya mendapat nilai min yang sederhana. Dari sini boleh disimpulkan bahawa keunikan buku Indie telah menarik perhatian mereka. Ini jelas dari nilai keseluruhan min dalam bahagian ini iaitu ($\text{min} = 3.68$) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah.

JADUAL 4. Tarikan terhadap keunikan penulisan buku Indie

Bil	Item	Kekerapan & Peratus (N = 100)					Min	S.P	Int
		STS	TS	TP	S	SS			
C1	Muka depan buku <i>Indie</i> yang menarik.	5 5.0%	11 11.0%	17 17.0%	51 51.0%	16 16.0%	3.62	1.042	Tinggi
C2	Gaya penulisan <i>Indie</i> ringkas seperti penulisan di alam maya.	5 5.0%	6 6.0%	18 18.0%	62 62.0%	9 9.0%	3.64	0.915	Tinggi
C3	Gaya penulisan buku <i>Indie</i> ringan berbeza dengan gaya penulisan akademik yang berat.	2 2.0%	5 5.0%	15 15.0%	59 59.0%	19 19.0%	3.88	.8440	Tinggi
C4	Idea di dalam buku <i>Indie</i> yang mencabar kelaziman.	1 1.0%	7 7.0%	22 22.0%	51 51.0%	19 19.0%	3.80	.8640	Tinggi
C5	Tajuk buku yang dipilih unik dan ‘rare.’	3 3.0%	5 5.0%	14 14.0%	60 60.0%	18 18.0%	3.85	0.880	Tinggi
C6	Penulisan <i>Indie</i> mudah dan mampu dibaca dengan cepat.	3 3.0%	3 3.0%	16 16.0%	67 67.0%	11 11.0%	3.80	0.791	Tinggi
C7	Penulisan yang diucap dan ditulis oleh tokoh viral di media sosial.	5 5.0%	12 12.0%	33 33.0%	41 41.0%	9 9.0%	3.37	0.981	Sederhana
C8	Penggunaan gambar yang unik dan menarik di dalam buku <i>Indie</i> .	2 2.0%	11 11.0%	21 21.0%	55 55.0%	11 11.0%	3.62	0.896	Tinggi
C9	Harga buku <i>Indie</i> murah dan mudah didapati.	4 4.0%	12 12.0%	22 22.0%	51 51.0%	11 11.0%	3.53	0.979	Tinggi
C10	Menyediakan medium kebebasan bersuara walaupun dari pihak mana sekalipun.	5 5.0%	3 3.0%	26 26.0%	50 50.0%	16 16.0%	3.69	0.950	Tinggi

Sumber: Soal Selidik 2017

Berdasarkan Jadual 4 di atas, semua responden bersetuju dengan semua ciri yang diketengahkan dengan ke semuanya mendapat nilai min yang tinggi melainkan pada satu item sahaja yang mendapat min yang sederhana. Ini bermakna, buku *Indie* memang memenuhi cita rasa pembaca muda bermula dari tajuk, reka kulit buku, kandungan dan persembahannya.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa responden meminati ilustrasi kulit buku yang menarik dengan nilai min 3.62 yang meliputi aspek tulisan, imej yang segar dan reka bentuk yang unik. Ini menjadikannya sebagai salah satu pemberat dalam daya suatu tarikan berbanding buku genre yang lain. Maka, pemilihan reka bentuk kulit perlu menjadi keutamaan kepada penerbit buku kerana ia merupakan antara faktor yang penting untuk menembusi pasaran pembaca muda. Ia bukan sahaja perlu unik, tetapi pelik termasuklah unsur *out of the box*. Pastinya ia selari dengan tajuk buku yang juga mempunyai elemen provokatif dan kritis. Pernyataan ini selari dengan kajian Sarah (2016) yang menjelaskan rekabentuk grafik kulit buku mempunyai peranan yang besar dalam mlariskan jualan buku kerana sebelum melihat kandungan, pembaca akan melihat kulit buku dan tajuknya. Antara contoh buku yang mempunyai muka depan yang menarik ialah buku “Bercakap dengan Al-Quran” (2016) yang

kulit muka depannya benar-benar sama dengan muka depan naskhah “Muqaddam” versi lama yang menjadi teks pengajian asas al-Quran sewaktu kanak-kanak. Begitu juga dengan buku “Daulat Tuhanku” (2017) dengan ilustrasi yang menggambarkan jemaah haji sedang bersujud ke arah Kaabah. Kebolehan penulis *Indie* memilih dan menampilkan reka bentuk kulit buku yang sesuai menepati apa yang diutarakan oleh Smith (2016) kualiti muka depan buku amat memainkan peranan utama untuk memastikan pembaca akan tertarik kepada buku tersebut. Kualiti yang dimaksudkan termasuk gambar, reka letak dan saiz huruf serta pemilihan ton warna. Kesemua elemen-elemen ini telah berjaya digarap sepenuhnya oleh penulis *Indie* dalam hasil karya mereka.

Dapatkan kajian juga membuktikan bahawa ramai responden gemar memilih buku yang mempunyai keunikan pada tajuknya iaitu yang mempunyai idea yang mencabar kelaziman. Kebanyakan tajuk yang bersifat *out of the box* seperti ini diambil daripada isu-isu semasa yang diolah secara kritis bagi menarik perhatian pembaca agar membelinya. Malahan, tajuk buku sengaja diselitkan dengan unsur berlebihan (*exaggerate*) dan provokatif untuk menambahkan lagi tarikan kepada pembaca. Contohnya ialah buku “Syurga Bukan Percuma” (2016) dan “Aku Bukan

Malaikat” (2016) dari Penerbit Tarbiah Sentap dan novel “Suamiku Dajjal” (2017) dari Penerbit Aqada. Minat mereka kepada tajuk yang dianggap sebagai sentap adalah sejajar dengan minat mereka kepada idea yang mencabar kelaziman. Pernyataan ini turut ditegaskan oleh Lupton (2008) bahawa penulis buku yang telah melakukan kajian awal sebelum membina tajuk mampu memberi gambaran awal tentang idea dan kandungan buku yang dihasilkan. Kaedah ini telah dilaksanakan dengan jayanya oleh penulis-penulis Indie. Hasilnya, kebanyakan tajuk-tajuk yang dibina ringkas, padat, menggunakan perkataan yang menarik, bersifat urban dan mudah difahami oleh pembaca.

Tajuk tentunya akan menggambarkan tentang isi kandungannya. Dapatkan menunjukkan bahawa ramai responden dengan ($\text{min} = 3.80$) minat kepada idea yang mencabar kelaziman. Kandungan dan cara pengolahannya mempunyai kelainan daripada buku-buku biasa yang berada di pasaran bahkan yang paling penting bagi responden ialah idea yang ingin disampaikan oleh penulis buku tersebut mempunyai kelainan serta mencabar kelaziman penulis kontemporari pada hari ini. Idea ini yang dikupas kebiasaannya mengikut trend-trend semasa sehingga boleh difahami bahawa kelangsungan buku Indie ini disebabkan penerbit menulis buku dengan mengangkat sesuatu trend yang berlaku. Sebagaimana yang kita ketahui, penerbit ini sangat mengalu-alukan penulisan berserta gaya pengolahan yang berlainan daripada kebiasaan bagi menghidupkan semula daya tarikan buku fizikal yang tidak dilaksanakan oleh penerbit yang bertaraf gergasi seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Muhammad Febriansyah & Sharifah Nursyahidah (2016), menyatakan:

Berbanding dengan trend-trend sebelumnya yang hanya bertahan dalam masa yang singkat, fenomena buku Indie boleh dikatakan memiliki daya tahan yang lebih lama. Ketika kemunculannya mulai dapat dikesan pada tahun 2009 sehingga mencapai puncaknya pada tahun 2015/2016, sampai saat artikel ini selesai ditulis pada bulan Ogos 2016 penerbitan Indie masih tetap hangat dibicarakan dan belum menunjukkan tanda-tanda fenomena ini akan berakhir. Tujuh tahun bukan masa yang singkat bagi jangka hayat sebuah trend di dalam budaya popular. Dalam rentang masa itu juga dapat dilihat perbezaan cara menerbitkan, gaya penulisan, perkembangan genre, teknik pemasaran, serta aktor-aktor baru yang ikut terlibat di dalam buku Indie, sama ada penerbit, pengedar, maupun penulis. Itu kalau dilihat dari segi trend yang berlaku di dalam scene Indie secara keseluruhan, tidak hanya terhadap kepada karya teks yang terkandung dalam buku Indie itu sendiri.

Gambar atau imej berperanan penting untuk menarik minat pembaca kepada buku. Dapatkan menunjukkan ramai responden ($\text{min} = 3.62$) minat

dengan kepada imej yang dipaparkan dalam buku Indie. Ia bagaikan pelengkap kepada mesej yang disampaikan sehingga imej berkenaan membantu memberikan kefahaman yang kuat dalam minda mereka tentang perkara yang dibincangkan. Hal ini adalah sejajar dengan politik gambar atau disebut sebagai ‘poligam’ yang dimanifestasikan dan cuba dibudayakan dalam kalangan masyarakat maya zaman ini iaitu mereka yang menjadikan dunia maya sebagai tempat baginya bersosial dengan orang dan golongan mahasiswa antara yang paling ramai berkongsi kisah kehidupannya di sana. Akibatnya, mereka terikut dengan keadaan tersebut sehingga merasakan keperluan penggunaan gambar yang sesuai dan menarik bagi memudahkan lagi kefahaman mereka. Sebagai contoh, penerbit Thukul Cetak pernah menimbulkan kontroversi dalam kalangan masyarakat apabila buku terjemahan terbitannya, “Manifesto Komunis” (2016), telah diharamkan dan diarahkan pemberhentian cetakannya oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri berdasarkan kepada warta perintah larangan yang dikeluarkan mengikut Seksyen 7(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301) kerana mempunyai unsur-unsur yang boleh mengganggu-gugat keselamatan dan keharmonian dalam negara. Buku ini mempunyai imej logo parti komunis yang diletakkan pada muka depan buku tersebut (Kosmo 30 Mac 2017).

Penulisan Indie juga tidak bersifat akademik tetapi ia ditulis dengan bahasa yang santai. Dapatkan menunjukkan bahawa responden ($\text{min} = 3.88$) meminati gaya penulisan buku Indie yang ringan dan santai. Mereka mahukan penulisan ringkas kerana mungkin telah terbiasa dengan penulisan di media baharu yang pendek dan menggunakan bahasa tidak formal. Mereka merupakan generasi yang terkesan dengan dunia media baharu kerana segala bentuk interaksi sosial yang dilakukan secara maya tanpa batasan. Menurut Castells (2010) generasi Gen Y dan Z ini lebih selesa menggunakan bahasa atas talian yang telah diubah suai semasa melakukan interaksi komunikasi di media sosial. Situasi ini juga turut sama berlaku kepada gaya bahasa buku Indie. Penggunaan gaya bahasa media baharu yang bersifat bandar dan kontemporari yang digunakan dalam buku Indie memenuhi kehendak jiwa anak muda yang rata-rata dilahirkan pada era *millenium*.

Selain itu, ramai responden ($\text{min} = 3.80$) meminati genre buku Indie ini disebabkan penulisan Indie mudah dan mampu menghabiskan bacaan bagi sesuatu buku dengan cepat. Ia tidak membosankan pembacanya dan bahasa yang digunakan sesuai dengan jiwa dan personaliti mereka. Dapatkan ini

turut disokong oleh Mohd Hasnul (2016) yang menyatakan buku Indie mendapat sambutan hangat anak muda kerana mereka muak dan jelak dengan buku-buku terbitan arus perdana yang dilihat terlalu tradisional dalam pemikiran dan persempahan yang dipamerkan.

Buku Indie juga lebih mudah dicari dan ia berlegar dalam kalangan mahasiswa. Berdasarkan kepada kajian, dapatkan menunjukkan bahawa ia juga merupakan sebab yang menarik minat mereka membacanya dengan ($\text{min} = 3.53$). Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pemasaran yang dilakukan oleh penerbit buku Indie juga mengena dengan pasaran. Ia juga menjadi suatu bukti bahawa harga buku Indie adalah berpatutan dan sebahagiannya masih pada harga yang murah terutamanya jika penerbit-penerbit buku Indie melaksanakan promosi potongan harga untuk mendapatkan harga yang lebih murah sempena meraikan dan menghargai pelanggan mereka. Menurut Sarah (2016) penjualan buku Indie kini terlalu tersebar luas, dan mudah didapati di mana-mana kedai buku terutama “kedai atas talian” yang diwujudkan oleh penerbit buku Indie melalui agen-agen berdaftar di bawah mereka yang dikenali sebagai dropship ataupun kedai ‘online’ yang dibina atas nama syarikat penerbitan mereka. Melalui kemudahan tersebut, pembaca mudah mengakses dan membeli buku-buku yang mereka minati dan menunggu keluaran baru bagi setiap penerbit yang pada kebiasaannya mewar-warkan di dalam laman rasmi syarikat dan ‘Facebook’ rasmi mereka. Kemudahan ini telah digunakan sepenuhnya terutamanya golongan mahasiswa yang lebih suka mengambil jalan ringkas dan melakukan perkara yang mudah-mudah sahaja, serta tidak sanggup bersusah payah untuk melakukan sesuatu perkara, kerana semua perkara dalam kehidupan mereka telah diper mudahkan dengan kehadiran kemajuan teknologi. Oleh itu, apabila buku Indie dimudahkan pencariannya, maka buku Indie yang akan sering menjadi pilihan golongan ini bagi menghabiskan masa lapang mereka.

Penulisan akan lebih mudah terkenal apabila ditulis oleh penulis yang terkenal. Dapat menunjukkan bahawa mahasiswa memang berminat ($\text{min} = 3.37$) dengan karya penulis yang sudah terkenal. Mereka biasanya terlebih dahulu telah dikenali di media sosial sebelum mereka semua menulis dan menerbitkan buku fizikal. Corak penulisan di media sosial yang *rare* dan mencabar kelaziman telah menjadi tarikan yang hebat sehingga karya buku mereka mendapat sambutan di luar jangkaan. Menurut rekod yang terbaik pernah dicapai oleh Penerbit Dubook Press

semasa Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di PWTC, mereka berjaya menjual buku berjudul “Terima Kasih Si Babi Hutan” (2015) hampir 15 ribu naskhah dalam tempoh 10 hari. Buku tersebut karya Ismail Ariffin yang digelar sebagai Lepat Makrifat dan dia bermula dikenali di media sosial seperti YouTube dan Facebook. Hal ini juga menggambarkan bahawa teori *Liking* iaitu masyarakat akan cenderung membeli dan mendengar daripada orang yang mereka suka, bertepatan dengan item ini.

Sesuai dengan namanya sebagai buku Indie, ia menjanjikan kebebasan kepada penulis, pembaca dan juga pengedarannya kepada semua lapisan masyarakat. Ini menjadi suatu tarikan penting kepada mahasiswa kepada buku Indie. Dapatkan kajian mendapati skor min yang tinggi ($\text{min} = 3.69$) kepada item kebebasan yang disediakan dalam buku Indie dari pihak mana sekalipun. Ini bermakna, buku Indie merupakan suatu saluran untuk mengetengahkan idea dan pendapat yang bersifat *rare* dan di luar kebiasaan iaitu mencabar kelaziman masyarakat bahkan terkadang idea tersebut bersifat memberontak kepada sesuatu keadaan dan peraturan. Contohnya petikan dalam buku “Nasionalisme Longkang”:

Apakah pendidikan berdasarkan keagamaan hanya untuk mengenal tuhan manusia sahaja? Apakah pendidikan agama hanya melahirkan lelaki yang tunduk saat memandang wanita bukan muhrim manakala perempuan rela diperlakukan apa sahaja oleh suami -semuanya demi sebuah ganjaran ketaatan membabi buta?”(Hadri Shah 2017: 47).

Petikan ini menggambarkan idea dan kritikan yang menyerlahkan penentangan dan pandangan berat sebelah kepada institusi pendidikan agama. Apa yang lebih membimbangkan, apabila pandangan sebegini diluahkan atau disuarakan oleh pihak-pihak yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama serta kredibiliti yang diperakuan.

KESIMPULAN

Buku Indie mempunyai kekuatannya tersendiri yang boleh mempengaruhi pembacanya. Kekuatannya terhasil dari keunikannya yang terdapat karya itu sendiri dari seperti muka depan yang menarik berserta ilustrasi yang memukau, gaya penulisan yang mudah adalah selari dengan kehendak generasi baharu yang suka kepada idea yang dilihat *rare* dan mencabar kelaziman masyarakat. Buku ini disebut sebagai medium yang mengangkat konsep kebebasan bersuara bagi memudahkan generasi baharu bersuara menyuarakan pendapat. Kesemua ciri keunikannya adalah refleksi dan hasil dari minat generasi baharu

yang mempunyai cita rasa dan pemikiran yang berbeza dengan generasi yang sebelum ini. Dengan ini, kekuatan buku ini bukan terletak pada kekuatan buku itu sendiri, tetapi pada selera pembaca yang telah berubah dan mahukan bahan bacaan yang sesuai dengan citarasa mereka.

PENGHARGAAN

Artikel adalah sebahagian dari Geran Cabaran Perdana DCP-2017-013/3.

RUJUKAN

- Aiman Banna. 2017. *Suamiku Dajjal*. Selangor: Aqada.
- Alias Ismail. 2015. Perspektif dua zaman dalam pembacaan novel. *Dewan Sastera*, Julai 2015
- Ali Salman & Mohd Safar Hashim. 2011. New media and democracy. *Akademika* 81(1):15-21.
- Anon. 2017. KDN haramkan penerbitan 19 buku, majalah. Kosmo, 30 Mac 2017.
- Azianura Hadi Shaari. 2017. *Language of the Digital Minds*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Benz Ali. 2014. *Antithesis*. Bangi: Dubook Press.
- Castells, M. 2010. *The Rise of Network Society*. Cheltenham, UK: Blackwell Publishing.
- Crystal, D. 2004. *The Language Revolution*. Cambridge UK: Polity Press.
- Crystal, D. 2006. *The Language and the Internet*. Cambridge UK: Cambridge University Press.
- Faisal Tehrani. 2000. *Perempuan Politikus Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pemuda.
- Faisal Tehrani. 2002. *Cerpen-cerpen Underground*. Bangi: Thukul Chetak.
- Fadli Abdullah & Md Sidin Ahmad Ishak. 2016. Kesan perkembangan teknologi terhadap industri penerbitan buku di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 15(2): 71-86.
- Hadri Shah. 2017. *Nasionalisme Longkang*. Selangor: Thukul Chetak.
- Ismail Ariffin. 2015. *Terima kasih si Babi Hutan*. Bangi: Dubook Press.
- Jube. 2008. *Muzik Underground Indonesia: Revolusi Indie Label*. Yogyakarta: Harmoni.
- Ketut Nala Hani Wardana. 2012. Gaya pop art pada karya desain grafi di Indonesia. *PRASI* 7(14):17-22.
- Lily Yaakub & Muhamad Faisal Ashaari. 2017. Hubungan media baharu dalam penerbitan buku genre Indie di Malaysia: satu tinjauan awal. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah kali ke-3*, hlm. 22-30.
- Lupton, E. 2008. *Indie publishing*. China: Princeton Architectural Press.
- Mohd Hasnul Mohd Sani. 2016. Meng“indie”kan sastera. *Dewan Sastera* Ogos: 2016.
- Mohd Syazreen Abdullah. 2016. *Bercakap dengan Al-Quran*. Bangi: Thukul Chetak.
- Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnin. 2016. Laporan Awal: Fenomena buku Indie di Malaysia. Laporan Kajian Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan. Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor
- Muhammad Febriansyah & Sharifah Nursyahidah. 2016. Penerbit buku Indie benarkah anti arus perdana. *Dewan Sastera*, November 2016.
- Nami Cob Nobbler. 2011. *Awek Chuck Taylor*. Kuala Lumpur: Lejen.
- Nimoiz, T.Y. 2013. Memartabatkan karya Indie. *Tunas Cipta*, Ogos 2013
- Nor Hasimah Ismail & Melor Fauzita Md Yusoff. 2012. Karya Indie: Revolusi Penulis Generasi Baru. *Proceeding of International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA (ICECRS)*, hlm. 565-570.
- Ortner, Sherry B. 2012. Against Hollywood: American Independent Film as Critical Cultural Movement. *HAU: Journal of Ethnographic Theory* 2(2): 1-21.
- Rafidah Eksan. 2016. Pro dan kontra penerbitan Indie. *Dewan Sastera*, Ogos 2016.
- Rebecca Ilham. 2013. Memakai baju sastera. *Tunas Cipta*, Ogos 2013.
- Sarah Samsudin. 2016. Strategi pemasaran penerbit buku alternatif di Malaysia. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera, Universiti Malaya.
- Smith, J.D. 2016. *The Importance of Book Cover Design*. <https://selfpublishingadvice.org/speaker/jd-smith-2/> [10 Julai 2018]
- Tan, T. 2015. Country spotlight: Malaysia. Publisher Weekly. Retrieved from <http://www.publishersweekly.com/pw/by-topic/international/international-book-news/article/68105-country-spotlight-malaysia.html> [18 September 2015]
- Thurlow, C. 2003. Generation txt? The sociolinguistics of young people’s text messaging. Discourse Analysis Online 1(1). <https://extra.shu.ac.uk/daol/articles/v1/n1/a3/thurlow2002003.html>. Diakses pada: 10 Julai 2018

Dr. Muhamad Faisal Ashaari
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: faisal@ukm.edu.my